

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF  
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN  
2013**

**OLEH:**

**YBHG. DATUK HIMMAT SINGH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA**

**8 OKTOBER 2013  
(SELASA)**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID  
BLOK C, KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara  
Pengacara Majlis.

**YBrs. Encik Sarani bin  
Dollah**

Timbalan Ketua Setiausaha  
(Operasi)

**YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail  
bin Md. Salleh**

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya  
Malaysia

**YBhg. Dato' Ir. Annies bin  
Md Ariff**

Timbalan Ketua Pengarah  
(Sektor Pengurusan)  
Jabatan Kerja Raya

**Puan Sariah binti Abdul  
Karib**

Pengurus Besar Kanan  
Sektor Korporat dan Bisnes  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan (CIDB)

Panel Penilai,

YBhg Dato'-Dato', Datin-  
Datin, Tuan-tuan dan Puan-  
puan,

Selamat pagi, salam  
sejahtera dan Salam Satu  
Malaysia.

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana kita semua dapat bersama-sama pada pagi ini menghadiri Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi Tahun 2013.

2. Terima kasih dan sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pihak Jawatankuasa penganjur kerana telah berjaya melaksanakan program ini serta menjemput saya untuk merasmikan Konvensyen KIK peringkat KKR tahun ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

semua yang hadir di atas  
komitmen dan sokongan  
padu YBhg Dato'-Dato',  
Datin-Datin, Tuan-tuan dan  
Puan-puan dalam  
menjayakan konvensyen ini.

## **FALSAFAH KIK**

Hadirin Yang dihormati  
sekalian,

3. Konvensyen KIK  
Perkhidmatan Awam  
Peringkat Kementerian Kerja  
Raya telah menjangkau  
tahun ke-4 penganjurannya  
sejak tahun 2010. KIK bagi  
perkhidmatan awam telah  
diperkenalkan pada 1  
November 2009 melalui  
Panduan Mengenai  
Kumpulan Inovatif dan Kreatif  
bagi menggantikan Pekeliling



Kemajuan Pentadbiran Awam  
Bilangan 7 Tahun 1991 iaitu  
Panduan Mengenai  
Kumpulan Meningkatkan Mutu  
Kerja atau KMK.  
Penjenamaan semula KMK  
kepada KIK bukan sahaja  
sekadar bertukar nama tetapi  
beberapa pendekatan baru  
turut diperkenalkan yang  
bertujuan untuk  
meningkatkan lagi kualiti

*output* dan *outcome* dengan menjadikan aspek kreativiti dan inovasi sebagai elemen penambahbaikan dalam pelaksanaan kerja. Penyertaan dalam KIK tidak terbatas kepada kumpulan perkhidmatan tertentu tetapi melibatkan penjawat awam di pelbagai peringkat jawatan.

4. KIK berperanan penting dalam pembangunan modal insan dimana setiap individu secara intensif dibimbing, dilatih dan dibangunkan untuk lebih menghayati misi visi dan hala tuju organisasi. Setiap peserta diberi peluang yang sama rata dalam menyumbangkan idea dan pendapat, seterusnya melaksanakan langkah-

langkah penyelesaian  
masalah atau  
penambahbaikan terhadap  
proses kerja sedia ada.  
Secara tidak langsung, KIK  
turut melatih pelbagai lapisan  
anggota organisasi untuk  
tampil berani dalam  
merangka dan menyusun  
gerak kerja serta  
melaksanakan tindakan  
perubahan ke arah

memantapkan kemampuan  
sumber manusia yang ada  
demi kebaikan organisasi.

## **GERAKAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI**

Hadirin sekalian,

5. Gerakan pembudayaan  
kreativiti dan inovasi dalam  
perkhidmatan awam menjadi  
salah satu agenda utama

Kerajaan. Pelbagai usaha ke arah membudayakan kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam telah pun diperkenalkan.

6. Pada 9 Mac 2010, Lapan Tonggak Perdana Pentadbiran Negara yang terdiri dari empat tiang utama dan di sokong oleh empat nilai asas telah diinspirasikan

oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Empat nilai asas tersebut adalah :

- i) Membudayakan kreativiti dan Inovasi;
- ii) Mementingkan kepantasan bertindak dan membuat keputusan;
- iii) Nilai wang atau *value for money* dan
- iv) Nilai integriti.

7. Jelas disini bahawa Kerajaan amat memementingkan usaha-usaha ke arah pembudayaan inovasi dan kreativiti dengan meletakkannya sebagai nilai asas terpenting dalam empat tiang utama pentadbiran negara.

**PENAMBAHBAIKAN KIK**



Hadirin yang dihormati  
sekalian,

8. Saya dimaklumkan  
bahawa INTAN telah  
memperkenalkan pendekatan  
baru dalam KIK melalui  
konsep “*cross-agency  
collective ownership*” iaitu  
KIK Hybrid dimana kita dapat  
melihat dua (2) atau lebih  
jabatan atau organisasi yang

berbeza fungsi bergabung menjadi satu kumpulan KIK. Konteks penyertaan dalam KIK Hybrid telah diperluaskan apabila ia membolehkan penglibatan komuniti atau masyarakat setempat bergabung menjadi satu kumpulan KIK. Satu projek KIK Hybrid percubaan telah dilaksanakan antara Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak

yang bergabung dengan  
Pejabat Residen Kota  
Samarahan. Kumpulan KIK  
Hybrid dengan nama I-  
BERITO itu telah ditubuhkan  
pada Februari 2012 dimana  
kumpulan berkenaan  
bertanggungjawab  
membangunkan mekanisme  
penyelesaian yang  
melibatkan isu-isu kolaborasi  
antara dua buah jabatan

dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di Sarawak. Menurut rekod, kumpulan tersebut telah pun berjaya menyiapkan projek tersebut dengan jayanya dan telah dijemput membuat persembahan semasa Konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan di Pulau Langkawi pada tahun lepas.

9. Justeru, Kementerian kini sedang dalam rangka kerja untuk menubuhkan kumpulan-kumpulan KIK Hybrid memandangkan impak yang bakal diperolehi akan lebih besar dan bermanfaat kepada organisasi dan masyarakat.

# **PERTANDINGAN KIK PERINGKAT KEBANGSAAN**

Hadirin yang dihormati  
sekalian,

10. Di kesempatan ini saya  
ingin juga merakamkan  
setinggi-tinggi tahniah kepada  
Kumpulan INSPIRA dengan  
Projek bertajuk '**Kesukaran**

# **Memberi Maklumat Lebih Raya Bertol Secara Efektif'**

daripada Lembaga

Lebuhraya Malaysia yang

telah mara ke peringkat akhir

Konvensyen KIK

Perkhidmatan Awam

Peringkat Kebangsaan yang

telah diadakan di Pulau

Langkawi pada tahun lepas.

11. Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan KIK yang akan mewakili Kementerian ke Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan di Kuching, Sarawak pada 30 November hingga 3 Disember 2013 ini, iaitu:



i) Kumpulan Warga BS dari Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian dengan tajuk projek 'Papan Tanda Amaran WD.23 Dan RM.4 Yang Rosak Lewat Diganti' (bagi Kategori Teknikal); dan

ii) Kumpulan Q' Bestari dari Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu

dengan tajuk projek  
Penyediaan Perubahan  
Harga (Variation Of Price)  
Bahan-Bahan Binaan  
Kerja-Kerja Sivil Dalam  
Kontrak Kerja Yang  
Sistematik (bagi Kategori  
Pengurusan).

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati  
sekalian,

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, syabas dan tahniah sekali lagi kepada kumpulan-kumpulan yang menyertai konvensyen KIK Kementerian Kerja Raya pada tahun ini.

13. Akhir kata, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat khususnya

Bahagian Pengurusan  
Sumber Manusia selaku  
penganjur Konvensyen pada  
tahun ini.

Dengan ini, saya dengan  
sukacitanya merasmikan  
Konvensyen KIK  
Perkhidmatan Awam  
Peringkat Kementerian Kerja  
Raya Tahun 2013.

Sekian, terima kasih.